

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. Pendahuluan

Islam telah mengatur kehidupan manusia di dunia melalui peraturan-peraturan yang terdapat dalam al-Qur`ān dan *al-sunnah* agar kehidupan mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Sebagai tanda kecintaannya kepada manusia agar menghasilkan ketenangan jiwa dan ketenteraman diri, Allah telah mensyariatkan perkahwinan dengan menciptakan manusia secara berpasang-pasangan yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Dalam al-Qur`ān ditegaskan:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu, benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.”

Sūrah Rūm (30): 21

Untuk menjamin tercapainya tujuan perkahwinan, syariat telah meletakkan peraturan-peraturan yang jelas dan tepat agar manusia tidak melakukan perkara yang dilarang oleh agama dalam memenuhi keperluan asas perkahwinan. Peraturan-peraturan ini diasaskan berdasarkan prinsip-prinsip kukuh yang menjamin kesejahteraan masyarakat, kebahagiaan rumahtangga, penyebaran kebaikan,

penjagaan akhlak, serta pengekaln keturunan manusia.¹ Dengan demikian, jikalau peraturan-peraturan tersebut diambil ringan, maka dengan sendirinya tujuan asas perkahwinan tidak akan tercapai.

1.2.Masalah Kajian

Pulau Bangka merupakan salah satu negeri terbaharu di Indonesia.² Sebelum ini, ia adalah sebahagian daripada negeri Sumatera Selatan. Budaya dan adat istiadat perkahwinan dalam kalangan masyarakat Pulau Bangka adalah sangat pelbagai. Hal ini disebabkan oleh latar belakang masyarakat di Pulau Bangka yang berasal dari pelbagai daerah di Indonesia. Adat istiadat dan budaya perkahwinan telah sedikit sebanyak mengubah struktur keluarga dalam kalangan masyarakat tersebut. Salah satu budaya sebelum perkahwinan dilaksanakan ialah adanya hantaran daripada pihak lelaki. Bahkan ramai daripada kalangan masyarakat di Pulau Bangka beranggapan bahawa hantaran atau pemberian lebih penting berbanding dengan mahar yang disyariatkan dalam agama Islam.³ Hantaran juga menjadi ketetapan perkahwinan.

Ketiadaan panduan tertentu dalam pemberian mahar yang dituntut oleh Islam dan kurangnya kefahaman mengenai pensyariatan mahar kadangkala sering menimbulkan amalan yang pelbagai dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, hal ini menyebabkan timbul perbezaan dalam pemberian kadar mahar dan hantaran dalam

¹ Mustafā Al-Khin *et.al* (1992), *Al-Fiqh al-Manhajī `alā Madhab al-Imām al-Shāfi`ī*, j. 4, c. 3. Damshiq: Dār al-Qolam, h. 12.

² Undang-undang nomor 27 tahun 2000 tentang Pembentukan Provinsi Kepulauan Bangka Belitung.

³ Mahar telah disyariatkan oleh agama dengan dalil-dalil yang termaktub dalam al-Qur`ān dan *al-sunnah*, maka ia lebih utama berbanding dengan hantaran.

kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka. Rentetan hal tersebut, beberapa pihak perempuan meminta pelbagai hantaran serta wang dalam kadar yang tinggi daripada pihak pengantin lelaki sebelum hari pernikahan. Sebaliknya, mahar atau mas kahwin yang diberikan lebih rendah nilainya, tidak melebihi sebetuk cincin emas bahkan ada yang hanya seperangkat alat solat.

Selain itu, taraf ekonomi masyarakat yang berbeza turut mempengaruhi amalan pemberian tersebut. Bagi pihak lelaki yang berkemampuan, mereka akan memberi dengan kadar yang tinggi dan sebaliknya bagi yang kurang mampu akan lebih bekerja keras untuk memberikan hantaran yang diminta oleh pihak perempuan. Bahkan, pihak lelaki yang tidak mampu memberikan hantaran sesuai dengan permintaan pihak pengantin perempuan, akan menunda perkahwinannya. Malah ada juga yang membatalkan perkahwinan disebabkan masalah pemberian hantaran tersebut. Kadangkala wujud pula amalan-amalan lain dalam pemberian hantaran yang bukan kewajipan dalam Islam, lebih ditonjolkan dan menjadi adat istiadat yang sukar untuk dihapuskan.

Islam sendiri menggalakkan agar mempermudah urusan dalam pemberian mahar, begitu juga dengan hantaran. Maka, sepatutnya mereka yang sudah sampai masanya untuk berkahwin disokong untuk mengikuti syariat agama demi kepentingan masyarakat dan negara. Hal ini kerana perkahwinan menurut Islam adalah untuk memenuhi kepentingan agama, masyarakat dan negara⁴ bukan terhadap kepada kepentingan individu sahaja. Oleh yang demikian, kajian ini penting

⁴Zaleha Muhamad (2002), *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*, Selangor Darul Ehsan: Lohprint Sdn.Bhd., h. 93.

dilaksanakan untuk mengetahui bagaimana amalan mahar dan hantaran perkahwinan dalam kalangan masyarakat Islam Pulau Bangka dan sejauh mana amalan tersebut benar-benar mengikut syariat. Seterusnya, untuk melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pemberian mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka.

1.3. Soalan Kajian.

Berdasarkan permasalahan kajian yang lepas, terdapat beberapa persoalan yang akan diketengahkan dalam kajian ini:

- 1) Apakah pandangan Islam mengenai mahar dan hantaran?
- 2) Bagaimanakah amalan mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka?
- 3) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penetapan kadar mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka?
- 4) Adakah amalan mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka menepati syariat Islam?

1.4. Objektif Kajian.

Kajian ini telah menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai, iaitu:

- 1) Menjelaskan kedudukan mahar dan hantaran menurut Islam.
- 2) Mengenal pasti amalan mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka.

- 3) Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penetapan kadar mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka.
- 4) Menilai pengamalan mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka daripada perspektif Islam.

1.5. Kepentingan Kajian

Dengan wujudnya kajian ini, diharapkan para pentadbir urusan agama yang mengurus perkahwinan dalam kalangan masyarakat Islam di Pulau Bangka dapat memahami kewajipan sebenar tentang mahar dan hantaran perkahwinan agar perkara ini dapat diaplikasikan dengan sebaiknya.

Kajian ini juga penting bagi mengetahui faktor-faktor penyebab penetapan mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka. Melalui kajian ini, diharapkan para pentadbir urusan agama di Pulau Bangka dapat memberikan penerangan lebih mendalam kepada masyarakat awam, agar mereka tidak terkeliru dalam pemahaman tentang mahar dan hantaran sebelum perkahwinan.

Di samping itu, melalui kajian ini diharapkan dapat menambah khazanah keilmuan Islam tentang mahar dan hantaran dalam perkahwinan, serta dapat memberi ilmu pengetahuan agama bagi ahli akademik.

1.6. Skop Kajian

Pengkaji telah membatasi skop kajian kepada mahar dan hantaran perkahwinan yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Islam Pulau Bangka yang majoriti beragama Islam.⁵ Hal itu penting kerana Pulau Bangka merupakan negeri baharu yang sebelumnya merupakan sebahagian daripada negeri Sumatera Selatan. Dengan demikian, ramai masyarakat Islam yang datang dari pelbagai daerah di Indonesia, mempunyai pelbagai latar belakang kehidupan masyarakat dan adat istiadat.

1.7. Kajian Lepas

Kajian yang membincangkan mengenai mahar dan hantaran telah banyak dijumpai, sama ada berbentuk buku mahupun kajian ilmiah, begitu juga dalam beberapa pandangan para ulama yang membincangkan perkara mahar secara khusus dalam bab *al-zawāj* atau *al-nikāh* dalam kitab-kitab mereka.

Seperti yang ditulis oleh Ala'eddin Kharofa dalam tulisan komparatifnya *Islamic Family Laws; A Comparative Study With Other Religion*, telah membuat perbandingan antara agama Islam dengan agama lain dalam hukum kekeluargaan.⁶ Manakala Ibrāhīm Fauzī dengan objektif yang berbeza telah membuat kajian dalam perbandingan hukum kekeluargaan yang berlaku pada zaman jahiliyyah dan ketika

⁵ Bersesuaian dengan banci penduduk tahun 2008, seramai 78.70 peratus masyarakat Pulau Bangka beragama Islam.

⁶ Ala'eddin Kharofa (2004), *Islamic Family Law; A Comparative Study With Other Religions*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.

berkembangnya syariat Islam.⁷ Ala'eddin mendapati bahawa mahar atau seumpamanya tidak hanya berlaku dalam agama Islam sahaja tetapi agama yang lain juga mengiktirafkan akan berlakunya mahar sebelum berkahwin walaupun dalam istilah yang berbeza. Walaupun begitu, Ibrāhīm Fauzī menyimpulkan bahawa pada zaman jahiliyyah, mahar merupakan hak dan perkongsian wali dengan pihak lelaki. Tetapi dalam keadaan tersebut, perkahwinan dilaksanakan tanpa adanya keredhaan daripada bakal pengantin perempuan. Darjat seorang perempuan disamakan seperti barang jual beli dalam transaksi jual beli atas *ṣīghoh* antara wali dengan pihak lelaki. Ia juga disamakan seperti seorang hamba yang diperjualbelikan oleh tuannya. Namun, dengan berkembangnya syariat Islam, mahar menjadi hak perempuan sebagai tanda penghormatan serta hadiah baginya dan bukan sebagai alat penukaran terhadap kesepakatan wali dengan lelaki yang akan menikahnya. Ditegaskan pula bahawa perempuan berhak untuk menentukan mahar bagi dirinya sendiri.

Muḥammad `Alī al-Ṣabūnī pula berkongsi pandangan yang sama apabila beliau membuat kajian komprehensif dalam bukunya yang bertajuk *al-Zawāj al-Islāmi al-Mubakkir: Sa`ādah wa Ḥaṣānah*.⁸ Beliau menyimpulkan bahawa mahar merupakan simbol pemuliaan terhadap perempuan, agar suami merasakan kemuliaan dan tingginya darjat seorang perempuan dalam Islam. Namun daripada kajian ini, beliau menyarankan agar memudahkan segala perkara dalam pemberian mahar kerana ia merupakan ikatan janji dalam pernikahan.

⁷ Ibrāhīm Fauzī (1983), *Aḥkām al-Uṣroh fī al-Jāhiliyyah wa al-Islām*, c. 3. Beirut, Lubnān: Dār al-Kalimah li al-Nasyr.

⁸ Muḥammad `Alī al-Ṣabūnī (2006), *al-Zawāj al-Islāmi al-Mubakkir: Sa`ādah wa Ḥaṣānah*. Kaherah: al-Maktabah al-`Aṣriyyah.

Antara kajian lain tentang mahar dan hantaran sama ada dalam bentuk artikel mahupun kajian ilmiah telah dibuat,⁹ antaranya oleh Othman Ishak dengan mengkaji mahar dari segi perundangan Islam. Kajian yang dibuat menunjukkan bahawa para *fuqahā`* terdahulu juga tidak menetapkan kadar maksimum mas kahwin yang berhak diterima oleh orang perempuan walaupun ia adalah hak perempuan mengikut keredhaannya. Pendapat ini adalah sejajar dengan al-Qur`ān dan al-hadīth.

Manakala Raihanah Haji Azahari cuba mengupas penentuan kadar mahar dari segi budaya dengan tajuk *Pengaruh Budaya Dalam Penentuan Kadar Mahar*. Kajian ini menunjukkan bahawa adat dan tradisi Melayu amat mempengaruhi amalan masyarakat dalam menetapkan kadar pemberian mahar. Dalam kajiannya juga, Raihanah membincangkan mengenai hantaran dari segi hukum syarak yang sudah ada sejak turun-temurun dan terus ramai dibicarakan. Daripada kajian ini, beliau menyimpulkan bahawa selagi hantaran tidak bertentangan dengan hukum syarak, maka ia diharuskan walaupun dijumpai beberapa perbezaan dalam tatacara pelaksanaannya di beberapa tempat, dan beliau menekankan kadar mahar dan hantaran serta seumpamanya hendaklah tidak membebankan pihak yang memberi dan tidak merugikan pihak yang menerima.

Azman pula dalam penelitiannya membincangkan tentang kesan mahar dan hantaran terhadap kebahagiaan perkahwinan dan rumahtangga di Malaysia. Beliau

⁹ Othman Ishak (1983), "Maskahwin Dalam Perundangan Islam". *Jurnal Hukum*, jil. 3, bil.1, Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Islam, Kuala Lumpur. Raihanah Haji Azahari, "Pengaruh Budaya Dalam Penentuan Kadar Mahar", dalam Md. Saleh Hj. Md.@ Hj. Ahmad *et.al.* (2006), *Hukum Islam & Budaya Tempatan*, Universiti Malaya: Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam. Azman Abdul Rahman, *Nilai Maskahwin dan Hantaran di Malaysia Serta Kesannya Terhadap Kebahagiaan Perkahwinan dan Rumahtangga*, (Kertas Kerja Seminar Falsafah Perkahwinan di Universiti Malaya, 29-30 Mac 2006, Kuala Lumpur), Vol. 2.

menyimpulkan bahawa ada beberapa perkara yang perlu diperhatikan dalam penyariatian mahar selepas zaman jahiliyyah hingga sekarang. Beliau menjelaskan juga bahawa mahar dan hantaran merupakan suatu simbolik atau lambang kasih sayang daripada lelaki buat seorang wanita. Dengan demikian, wanita dapat menilai kesanggupan seorang lelaki dalam menyayangnya dan sekaligus menimbulkan kasih sayang daripada wanita terhadap lelaki itu, sehingga mendorong pelestarian pernikahan dalam kalangan masyarakat, khususnya orang muslim.

Meskipun memberikan sumbangan yang banyak terhadap pemahaman mahar dan hantaran dalam masyarakat Islam, namun demikian Azman memberikan sepenuh tumpuan kepada kesan mahar dan hantaran terhadap kebahagiaan perkahwinan dan rumahtangga di Malaysia. Walaupun tulisan Raihanah lebih meluas kepada pengaruh budaya terhadap penentuan kadar mahar dan hantaran, namun beliau hanya mengkaji pelaksanaannya dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia. Manakala Othman dalam kajiannya lebih melihat kepada perundangan Islam.

Kajian yang lain juga dibuat oleh Sutarsih Muliakusuma dalam kalangan masyarakat Betawi, Jakarta, Indonesia.¹⁰ Walaupun Sutarsih memfokuskan kajiannya tentang perkahwinan dan perceraian yang berlaku dalam kalangan masyarakat Betawi, Jakarta, tetapi beliau tidak menafikan bahawa dalam proses perkahwinan, selain adanya pemberian mahar yang diwajibkan, wujud pula hantaran yang pelbagai yang dikenali dengan istilah “serahan”. Kajian ini juga mendapati tahap pendidikan calon pengantin turut mempengaruhi pemberian kadar mahar dan hantaran.

¹⁰ Sutarsih Muliakusuma (1982), *Perkahwinan dan Perceraian pada Masyarakat Betawi*, Jakarta. Yogyakarta: Pusat Penelitian dan Studi Kependudukan UGM

Kajian ini juga diteruskan oleh beberapa pelajar Universiti Malaya seperti Nor Ahasah¹¹ di peringkat Sarjana, serta Roslina,¹² Yazid,¹³ Sakinah,¹⁴ dan Abdul Halim¹⁵ di peringkat Sarjana Muda. Nor Ahasah cuba mengkaji amalan penetapan kadar mahar menurut perundangan Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam di daerah Klang selain melihat bagaimana pengaruh adat setempat serta kesedaran wanita berhubung kepentingan mahar dalam aspek sosio-ekonomi mereka. Hasil kajian ini mendapati kecenderungan masyarakat mengikut ketetapan yang ditentukan oleh kerajaan negeri dalam penetapan kadar mahar. Selain itu, kesedaran wanita dilihat masih berada di tahap kurang memuaskan dalam menjadikan mahar sebagai salah satu medium sumber kewangan mereka.

Roslina juga mengkaji faktor-faktor asas dalam penentuan kadar mahar dan hantaran dalam perkahwinan di daerah Bera, Pahang. Beliau mendapati bahawa penentuan kadar mahar masih memberatkan pihak calon suami disebabkan kekurangan pemahaman agama. Manakala hantaran, walaupun dipandang baik dalam perkahwinan, akan tetapi kadarnya kadang kala melebihi kadar yang diwajibkan.

¹¹ Siti Nor Ahasah Bt Shafak Ahmad (2012), *Amalan Penetapan Kadar Mahar Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Daerah Klang, Selangor: Analisis dari Perspektif Perundangan Islam*. (Tesis, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹² Roslina binti Hamdan (2007/2008) *Faktor-Faktor Asas Dalam Penentuan Kadar Hantaran Perkahwinan: Kajian Kes di Daerah Bera, Pahang*. (Kertas projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹³ Mohd Yazid Najmi Muhammad Ali, (1999/2000), *Mahar dan hantaran: konsep dan realiti pengamalannya di Kelantan dan Kedah suatu perbandingan* (Kertas projek, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹⁴ Sakinah Idris (2003/2004), *Pengaruh 'urf dalam penentuan wang hantaran di kalangan masyarakat: kajian di Kubang Pasu, Kedah Darul Aman* (Kertas projek, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹⁵ Abdul Halim Majid (1991), *Mahar menurut Islam berdasarkan hadith: perkahwinan yang berkat ringan mas kahwinnya, satu tinjauan di daerah Kota Bharu Kelantan* (Kertas projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya).

Berbeza dengan Roslina, Yazid melakukan kajian perbandingan tentang mahar dan hantaran di Kelantan dan Kedah yang mendapati realiti yang berlaku menunjukkan pengalaman hantaran yang berbeza di antara Kelantan dan Kedah. Beliau juga mendapati bahawa masyarakat Kedah menganggap wang hantaran sebagai sesuatu yang mesti dilaksanakan. Bahkan masyarakat lebih mengutamakan pemberian hantaran. Hal ini terbukti daripada kadar mahar yang lebih rendah daripada hantaran, juga penetapan kadar hantaran tersebut lebih dahulu dilakukan sebelum ditetapkan kadar mahar. Manakala di Kelantan, mereka tidak mengamalkan wang hantaran seperti yang diamalkan oleh masyarakat Kedah. Bagi mereka, belanja kahwin atau wang hantaran tetap menjadi mutlak pengantin perempuan, ibu bapa mahupun keluarga tidak akan bebas menggunakan mahar yang sedia ada melainkan dengan keizinan perempuan tersebut.

Dalam kajian lain, Sakinah cuba mengupas tentang sejauh mana pengaruh *`urf* dalam penentuan wang hantaran dalam kalangan masyarakat Kubang Pasu, Kedah. Hasil kajian mendapati bahawa *`urf* banyak mempengaruhi masyarakat daerah Kubang dalam menentukan jumlah wang bagi pengantin perempuan walaupun masyarakat sendiri tidak memahami bagaimana ia boleh mempengaruhi penetapan kadar wang hantaran. Hal ini kerana perkara yang dilakukan masyarakat adalah semata-mata kerana ia adat dalam masyarakat dan telah diamalkan bertahun-tahun lamanya.

Kajian Abdul Halim pula melihat dari sudut hadīst ”perkahwinan yang berkat ringan mas kahwinnya” di daerah Kota Bharu, Kelantan. Beliau menyimpulkan bahawa adat istiadat di Kota Bharu, Kelantan, sebelum dan sesudah majlis

perkahwinan, pada hakikatnya tidak sesuai dengan hadith tersebut. Hal ini kerana adat yang dijalankan adalah untuk menuntut keadaan sahaja. Beliau menjelaskan bahawa perkara ini berlaku kerana bagi mereka yang tidak menjalankan upacara adat, akan disingkirkan oleh kehidupan masyarakat. Selain itu, kawasan ini diketahui menjadi pusat kemajuan dan pentadbiran bagi daerah-daerah lain sehingga wang memainkan peranan penting untuk mengadakan kenduri kahwin, sehingga taraf kedudukan juga menjadi ukuran untuk menjaga imej mereka di khalayak ramai.

Oleh kerana mahar dan hantaran merupakan perkara yang banyak diperbincangkan dalam perkahwinan, maka banyak kajian ilmiah yang ditulis oleh beberapa pelajar Universiti Malaya.¹⁶ Meskipun terdapat banyak penulisan yang

¹⁶ Siti Norulhuda Mat Jusoh (2003/2004), *Kaedah penentuan kadar mahar dalam perkahwinan masyarakat Islam di Malaysia*. (Kertas projek, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Azizah Yasin (1993), *Dasar penetapan mahar : satu kajian di Daerah Besut, Terengganu*. (Kertas projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya), Ahmad Fauzi Hashim (1993), *Penentuan jodoh dan mahar di kalangan masyarakat Melayu: penilaiannya dari perspektif Islam : satu kajian di Yan Kedah* (Kertas projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya), Halijah binti Syarif (1999), *Mahar Dan Hantaran Dalam Masyarakat Islam Adat Perpatih, Satu Kajian di Daerah Rembau*. (Kertas projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya), Azizah Yusof, (1987/1988), *Mahar dan hantaran : satu tinjauan di daerah Alor Gajah, Melaka*. (Kertas projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya).Mahyuddin Abu Bakar (1998), *Mahar dan hantaran, amalannya di kalangan masyarakat Melayu: satu kajian di Daerah Kota Setar Kedah*. (Kertas projek, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Jamil Ahmad (2000) *Mahar dan hantaran kekeluargaan dalam perkahwinan : satu tinjauan di Daerah Padang Terap, Kedah* (Kertas projek, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Noorazlina Abdullah, (2001/2002), *Konsep mahar dan pengamalannya dalam masyarakat melayu : satu tinjauan di Kota Bharu Kelantan*, (Kertas projek, Fakulti Sastera dan Sain Sosial, Program Pengajian Islam, Universiti Malaya), Ruslina Ramli (1994), *Mahar : konsep dan pengamalannya di Jajahan Pasir Mas, Kelantan Darul Naim*, (Kertas projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya), Rosnah Ismail (1992), *Mahar dalam perkahwinan menurut Islam : satu kajian di daerah Pendang*. (Kertas projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya), Abdullah Samsudin (1999/2000), *Konsep dan pengamalan mahar di negeri Pulau Pinang dan Kelantan: satu kajian perbandingan* (Kertas projek, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Halijah binti Syarif (1999), *Mahar Dan Hantaran Dalam Masyarakat Islam Adat Perpatih, Satu Kajian di Daerah Rembau*. (Kertas projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya). Nurasma Nawawi (1999/2000), *Maskahwin dan hantaran di kalangan masyarakat Melayu Pasir Mas, Kelantan*, (Kertas projek, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya). Wan Zarina Wan Dahari (1997/1998), *Mahar dan permasalahannya dalam amalan masyarakat : satu kajian di Jajahan Tumpat*. (Kertas projek, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

berbentuk kajian ilmiah mengenai mahar dan hantaran, tetapi ia merupakan kajian di daerah-daerah yang berbeza. Secara kesimpulannya, setiap daerah mempunyai amalan tersendiri dalam pelaksanaan yang berkaitan dengan mahar dan hantaran dalam perkahwinan.

Melihat kepada beberapa kajian literatur di atas, meskipun perbincangan mengenai mahar dan hantaran perkahwinan telah dikaji dari pelbagai aspek, namun pengkaji berpendapat bahawa perkara mengenai mahar dan hantaran perkahwinan masih relevan untuk dikaji lagi. Hal ini terbukti dengan jumlah para pelajar yang ramai untuk terus mengkaji perkara ini. Demikian juga dengan kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kajian kepada faktor-faktor yang diambil kira dalam penetapan mahar dan hantaran perkahwinan yang berlaku pada masyarakat Islam di daerah Pulau Bangka yang belum diperoleh sebelumnya kajian secara khusus di daerah tersebut. Di samping itu juga, pengkaji akan mengenal pasti sama ada amalan yang berlaku di daerah tersebut bersesuaian dengan perkara yang telah ditentukan oleh Islam. Oleh sebab itu, pengkaji berasa perlu dilakukan satu kajian untuk mengetahui amalan yang berlaku dalam kalangan masyarakat berkenaan perkara tersebut, walaupun kajian ini mempunyai beberapa persamaan dan kaitan daripada beberapa aspek dengan kajian yang lepas.

1.8. Metodologi Kajian

Pada dasarnya, kajian ini menggabungkan antara dua kaedah, iaitu dalam pengumpulan data dan menganalisisnya. Ia terdiri daripada:

a. Kaedah pengumpulan data

Dalam pengumpulan dan mencari data-data, kaedah yang digunakan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu data sekunder dan data primer:

1) Data Sekunder

Bagi mendapatkan maklumat awal mengenai gambaran umum tentang mahar dan hantaran dan mengenal pasti pandangan-pandangan sarjana mengenai hantaran yang meliputi pengertian hantaran dari sudut bahasa dan dari sudut istilah syara` dan hantaran dalam undang-undang perkahwinan Indonesia, maka pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Kaedah ini akan dilaksanakan dengan cara mengumpulkan bahan-bahan rujukan dalam bentuk dokumentasi yang berkaitan dengan tajuk kajian. Melalui kaedah ini, sumber-sumber primer dan sekunder akan dikaji. Ia akan melibatkan kajian terhadap bahan-bahan bercetak seperti buku-buku, risalah-risalah, kertas kerja ilmiah, artikel ilmiah, akhbar, jurnal dan data-data yang berkaitan dengan kajian sebagai rujukan.

Setelah semua data serta maklumat yang dikehendaki berjaya dikumpulkan, kesemua maklumat tersebut akan dikaji dan dianalisis agar ia menepati dan bersesuaian dengan keperluan kajian.

2) Data Primer

Kajian ini akan melaksanakan kajian lapangan secara langsung sesuai tajuk yang dipilih untuk dibuat kajian. Oleh yang demikian, untuk mendapatkan ketepatan

data-data dan juga maklumat, pemerhatian ke tempat yang dikaji akan dibuat, iaitu terhadap masyarakat Islam di Pulau Bangka, Indonesia. Bagi mendapatkan data primer, penelitian akan menggunakan tiga metode yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan dalam mengupas data-data yang diperlukan dalam penyelidikan ini, iaitu;

1) Metode Dokumentasi

Metode ini lebih terfokus pada data-data yang ada di lapangan, terutamanya data-data yang tidak diterbitkan yang terdapat pada objek yang dikaji.

2) Metode Temu bual

Temu bual yang dimaksudkan ialah menemu bual individu-individu tertentu terutama yang berautoriti dalam satu-satu bidang dalam penelitian ini. Kajian ini telah memilih beberapa individu untuk ditemu bual, iaitu seramai sepuluh orang responden yang merupakan perwakilan dari setiap daerah yang ada di Pulau Bangka. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan terutama mengenai sejauh mana pelaksanaan amalan mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Pulau Bangka. Bagi tujuan untuk mengenal pasti masalah yang sentiasa dihadapi oleh responden dan cadangan penyelesaian terhadap masalah tersebut, maka responden juga diambil daripada masyarakat tempatan sama ada yang telah berkahwin atau masih bujang.

Sebelum proses jawapan bermula, pengkaji telah merancang soalan tertentu berasaskan tema yang telah dirancang lebih awal untuk

mendapatkan maklumat yang diperlukan. Jawapan tematik yang juga dikenali dengan jawapan tanpa struktur ini¹⁷ dilakukan untuk menghasilkan suatu keadaan yang fleksibel dan bebas, yang memungkinan pengkaji mengemukakan soalan-soalan berbangkit daripada jawapan-jawapan orang yang ditemuduga.

3) Observasi

Observasi telah dilakukan selama lebih 30 hari dalam kalangan masyarakat Islam Pulau Bangka, bermula dari tarikh 6 Ogos hingga 6 Oktober 2011. Hal ini kerana pada waktu tersebut (selepas Hari Raya Aidil Fitri) ramai masyarakat Bangka yang mengadakan akad perkahwinan. Untuk memastikan amalan mahar dan hantaran secara langsung dan mendapat data yang tepat di lapangan, pengkaji turut serta menghadiri acara perkahwinan yang berlangsung di beberapa tempat. Metode ini dilakukan bagi mengetahui secara langsung amalan mahar dan hantaran di Pulau Bangka.

b. Kaedah Analisis Data

Data-data yang diperolehi melalui temu bual memberikan informasi yang amat penting dalam penulisan kajian ini. Data-data temu bual pada keseluruhannya akan dipersembahkan dalam bentuk transkripsi penulisan, yang pada umumnya pemakaian kaedah ini melibatkan bab keempat. Manakala data-

¹⁷Idris Awang (2009), *Penyelidikan; Amalan Dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil dan Shakir Sdn. Bhd., h. 71

data yang telah diperoleh, kemudiannya diproses menggunakan metode-metode berikut:

1) Metode Induktif

Kaedah ini digunakan bagi mengumpulkan maklumat secara berlanjutan untuk membuat suatu kesimpulan umum dengan memasukkan bukti-bukti khusus yang diperoleh daripada sumber data. Kaedah ini akan digunakan semasa menganalisis amalan mahar dan hantaran sama ada telah menepati syariat Islam atau belum dan mengenal pasti bagaimanakah amalan mahar dan hantaran dilaksanakan dalam kalangan masyarakat Pulau Bangka, iaitu pada bab empat, analisis pengamalan mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam Pulau Bangka.

2) Metode Deduktif

Kaedah ini juga secara ringkasnya boleh disimpulkan atau rumusan umum kepada kes-kes yang khusus. Dalam hal ini, pembentukan kesimpulan akan dilakukan berdasarkan kepada satu teori atau konsep mahar dan hantaran dalam prespektif Islam yang menjadi landasan asas. Konsep mahar dan hantaran dalam prespektif Islam, iaitu nikah yang berkah itu yang mempermudah dalam pemberian mahar, syarat bentuk mahar mestilah barang yang bermanfaat secara syariat dan hantaran secara umum tidak terdapat dalil syar'i yang menjelaskan amalan tersebut tetapi ia hanya berdasarkan adat istiadat tempatan. Berteraskan kepada konsep mahar dan

hantaran tersebut, maka amalan mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam Pulau Bangka dianalisis. Kaedah ini yang akan digunakan dalam bab dua dan bab empat.

1.9. Pensisteman Pengkajian

Kajian ini terdiri daripada empat bab, yang diberi kesimpulan, saranan serta cadangan pada bab terakhir. Bab satu dimulai dengan Pendahuluan, Masalah Kajian dilanjutkan dengan Soalan Kajian, Objektif Kajian, Kepentingan Kajian, Skop Kajian, Kajian Lepas, Metodologi Kajian serta Pensisteman Pengkajian.

Bab kedua membahas mengenai konsep mahar dan hantaran menurut Islam. dalam pembahasan ini meliputi Pendahuluan, Definisi Mahar, Sebab-sebab diwajibkan Mahar, Pembahagian Mahar, Syarat-syarat Mahar, Kadar Penentuan Mahar, Cara Pembayaran Mahar, Hikmah Disyariatkan Mahar, seterusnya dilanjutkan dengan Pengertian Hantaran, hantaran dalam kalangan masyarakat Indonesia, hantaran dalam peraturan perundangan perkahwinan Indonesia serta pandangan beberapa fuqaha dalam permasalahan hantaran dan perbezaan di antara mahar, hantaran dan hadiah, kemudian penutup.

Bab ketiga, mengandungi pengamalan terhadap mahar dan hantaran dalam kalangan masyarakat Islam daerah Pulau Bangka. Pembahasan ini terdiri daripada lima item, iaitu Pendahuluan, huraian tentang kepulauan Bangka Belitung secara umum, mengenai sejarah ringkas daerah Pulau Bangka dan status asas kualiti hidup di Pulau Bangka. Seterusnya, latar belakang responden,

daripada umur dan daerah menetap responden dan status perkahwinan responden, diikuti analisis dapatan kajian yang meliputi amalan mahar dan hantaran dalam perkahwinan, pemahaman mengenai mahar dan hantaran, faktor-faktor yang mempengaruhi pengamalan mahar dan hantaran, kriteria yang diambil kira dalam penetapan mahar dan hantaran, bentuk dan kadar mahar serta hantaran yang diamalkan, serta pembayaran mahar dan hantaran yang diamalkan. Item terakhir ditutup dengan kesimpulan.